

# Diana Bong sasar bawa pulang satu pingat wushu

**Kuala Lumpur:** Berpengalaman beraksi dalam tiga edisi Sukan SEA sebelum ini, ratu wushu negara, Diana Bong Siong Lin boleh dianggap antara atlet paling senior dan boleh dianggap sandaran dalam kem wushu kali ini.

Bagi atlet kelahiran Sarawak ini, sekalipun penampilan di Myanmar adalah kali keempat buatnya, dia mengakui dirinya masih kerdil dan berharap mampu memberikan persembahan terbaik untuk menghadiahkan pingat buat negara.

"Jika bercakap mengenai persiapan, semuanya boleh dianggap cukup baik dan apa yang penting nanti ialah prestasi di hari kejohanan nanti," kata pemenang emas

## BIODATA

- ⦿ Nama: Diana Bong Siong Lin
- ⦿ Tarikh Lahir: 5 September 1985
- ⦿ Umur: 28 tahun
- ⦿ Asal: Sungai Tapang, Kuching, Sarawak

wushu pertama negara di Kejuaraan Dunia ini.

"Ketika ini, apa yang menjadi musuh utama bukan lawan lain, namun ia adalah diri saya sendiri kerana semuanya bergantung kepada keyakinan dan kemampuan sendiri untuk mengawal gementar dan sebagainya untuk menampilkan

aksi terbaik."

Penampilan pertama Diana di Sukan SEA adalah pada 2007 di Korat, Thailand dengan meraih emas dalam kombinasi acara nanquan-nandao-nangun namun sebelum mengulangi pencapaian sama di Vientiane, Laos (2009) dalam acara nangun-nandao.

## Tiada emas di Palembang

Begitupun aksinya di Palembang, Indonesia dua tahun lalu tidak menyebelahnya apabila sekadar membawa pulang gangsa dalam acara nandao-nangun.

"Saya sebenarnya tidak mahu meletakkan sebarang tekanan berlebihan kepada diri saya malah tidak mahu terbawa-bawa dengan kejayaan di Kejuaraan Dunia baru-baru ini mengganggu saya," katanya yang meletakkan sasaran sebutir pingat tanpa mengira warna di Myanmar nanti.

Di Kejuaraan Dunia baru-baru ini, graduan Universiti Putra Malaysia ini menghadiahkan emas dalam acara nandao dan perak dan acara nangun.

**Esok**

• **FOKUS**

**BOLA KERANJANG**



Diana Bong **enggan dabik dada** walaupun raih emas acara nandao di Kejuaraan Dunia baru-baru ini.